



MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

KENYATAAN SEBUTHARGA KHAS UNTUK BUMIPUTERA

Sebutharga adalah dipelawa kepada kontraktor yang mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** dalam **Gred** , **Kategori dan Pengkhususan yang berkaitan** serta bertaraf Bumiputera yang berdaftar dengan **Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)** yang masih sah tempohnya dibenarkan menyertai sebutharga berikut:-

No. Sebutharga	Perihal Kerja	Harga Dokumen / Tarikh Mula Dijual	Syarat Pendaftaran
MBJB/SH/34/2019	Membina Dan Menyiapkan Kaunter 'Fully Multi-Tasking' Dan Kerja-Kerja Berkaitan Di Aras Bawah Bangunan Ibu Pejabat Majlis Bandaraya Johor Bahru Tarikh Iklan : 10.2.2019 Tarikh Taklimat/ Lawatan Tapak : 14.2.2019 (Khamis) Tempat : Bahagian Projek Bangunan, Jabatan Bangunan, Aras 4, Majlis Bandaraya Johor Bahru. Masa : 9.30 pagi Tarikh Tutup : 21.2.2019 (Khamis) (Tepat 12.00 tgh) S/harga No.Fail : MBBJ/U/2018/11/PNY/41 *TAKLIMAT DI PEJABAT DAN LAWATAN TAPAK ADALAH DIWAJIBKAN*	RM 50.00 14.2.2019 hingga 19.2.2019	CIDB Gred : G2 Kategori : B Pengkhususan: B04 ATAU B28 HANYA PENAMA DALAM SIJIL CIDB Dibenarkan Hadir Taklimat /Lawatan Tapak (Mana Berkaitan)

2. Dokumen Sebutharga boleh didapati semasa waktu pejabat di **Kaunter Setempat (No.7) Aras Bawah, Jabatan Kewangan, Majlis Bandaraya Johor Bahru** sebagaimana kenyataan sebutharga di atas. Sila bawa bersama **Sijil - Sijil ASAL** semasa membeli dokumen sebutharga **sebagaimana berikut :-**
 - 2.1 : Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) oleh CIDB
 - 2.2 : Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) oleh CIDB dan
 - 2.3 : Sijil Taraf Bumiputera (STB) oleh PKK
 - 2.4 : No. Pendaftaran Suruhanjaya Syarikat MALAYSIA (SSM)
3. Penyebut harga yang berminat untuk menyertai tawaran ini adalah **DIWAJIBKAN** menghadiri taklimat di pejabat Bahagian yang terlibat pada tarikh dan tempat sebagaimana yang ditetapkan di atas. **PENYEBUTHARGA (PEMILIK LESEN) SAHAJA** dibenarkan hadir ke taklimat di pejabat dan lawatan tapak **TIDAK BOLEH DIWAKILKAN**. Untuk keterangan lanjut sila layarai laman MBBJ iaitu www.mbjb.gov.my.
4. Penyebut harga diwajibkan untuk mendaftar secara dalam talian menggunakan sistem iPerolehan sebelum/pada hari taklimat diadakan melalui laman sesawang <http://apl.mbjb.gov.my/iperolehan>. Segala kesulitan yang dihadapi ketika hari taklimat akibat tidak mendaftar secara dalam talian adalah di bawah tanggungan pihak penyebut harga sendiri.
5. Dokumen Sebutharga yang telah dilengkapkan hendaklah dimasukkan dalam sampul surat berlakri serta bertulis No. Sebutharga dan Perihal Kerja di sudut atas sebelah kiri sampul surat dan dimasukkan ke dalam **Peti Sebutharga di Aras 1, Bahagian Mesyuarat, Majlis Bandaraya Johor Bahru** sebelum jam **12.00 tengahari** pada tarikh tutup pada **21.2.2019 (Khamis)**
6. Dokumen sebutharga yang di hantar melalui pos biasa/pos laju hendaklah dialamatkan ke **Bahagian Ukur Bahan & Kontrak, Aras Bawah, Majlis Bandaraya Johor Bahru** untuk dimasukkan di dalam Peti sebutharga **sebelum pukul 12.00 tengahari** pada tarikh tutup yang ditetapkan di atas.
7. Majlis tidak terikat samada menerima Sebutharga yang terendah harganya atau sebarang tawaran lain

Sekian, dimaklumkan.

.....
(**ABDUL MALIK BIN HAJI ISMAIL**)

Setiausaha,
Majlis Bandaraya Johor Bahru.

Tawaran dipamerkan juga di papan kenyataan sebagaimana berikut :

- i. Pejabat Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah*
- ii. Pejabat Daerah Johor Bahru*
- iii. Pejabat Jurutera Daerah JKR (D) Johor Bahru*
- iv. Pejabat Jabatan Pengairan dan Saliran Johor Bahru*
- v. Pejabat Majlis Perbandaran Pasir Gudang*